

Pelabur asing disambut baik

19M 3 1 JAN 2003

ALOR GAJAH 30 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia menyambut baik kedatangan pelabur asing untuk membuka kilang di negara ini dan menubuhkan pusat latihan bagi memberi kemahiran kepada pekerja tempatan.

Perdana Menteri berkata, melalui pendekatan itu, beliau berharap rakyat tempatan dapat menguasai teknologi yang dibawa oleh syarikat terbabit.

“Kita mahu menguasai kualiti yang baik daripada mereka dan berharap mereka dapat membantu,” katanya pada majlis perasmian Kilang Pengeluaran Honda di Kawasan Perindustrian HICOM Pegoh dekat sini hari ini.

Menurutnya, syarikat asing seperti Honda merupakan antara syarikat yang hebat dalam pengeluaran kenderaan dan pelbagai enjin yang bermutu tinggi.

Katanya, adalah menjadi matlamat kerajaan untuk melihat negara ini dapat menguasai teknologi dalam industri kenderaan.

Dr. Mahathir turut memberitahu, Honda telah bersetuju untuk menubuhkan pusat latihan di kilang tersebut bagi melatih mekanik tempatan.

Honda Motor Co. yang merupakan syarikat pengeluar kereta kedua terbesar di Jepun telah mem-

buat pelaburan sebanyak RM180 juta untuk membuka kilang di Pegoh itu yang merupakan kilang pengeluarannya yang ke-20 di seluruh dunia.

Kilang pengeluaran tersebut yang merupakan projek usaha sama dengan DRB HICOM dan Oriental Holdings Bhd., kini me-

ngeluarkan model CR-V pacuan empat roda yang telah mula memasuki pasaran sejak 17 Januari lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau telah meminta Honda untuk menubuhkan pusat latihan seperti itu sejak 20 tahun lalu tetapi mereka tidak mem-

buat pelaburan yang besar di negara ini ketika itu.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan memperkenalkan konsep baru perindustrian iaitu dengan membuka kilang di kampung supaya lebih ramai yang mendapat peluang bekerja sekaligus meningkatkan penda-

patan masyarakat luar bandar.

Menurutnya, konsep bekerja di rumah seperti yang dilaksanakan melalui ‘Satu Kampung Satu Produk’ tidak begitu berjaya kerana masyarakat di negara ini tidak begitu berdisiplin selain gangguan pelbagai hal peribadi.